

**HUBUNG KAIT PEMBAYANG DAN MAKSUD PANTUN  
PAK NAZEL DARI PERSPEKTIF EKOLOGI  
CONNECTION BETWEEN PURPOSE AND MEANING IN PANTUN BY  
PAK NAZEL BASED ON ECOLOGY PERSPECTIVE**

*Nordiana Binti Ab Jabar\**

*Nurul Ain Binti Mohd Bukhari*

Jabatan Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

\*nordiana.aj@edu.my

**ABSTRAK**

Proses penciptaan pantun sangat unik. Hubungan pantun dengan alam tidak dapat disangkal ibarat daun dan uratnya berpisah tiada. Menjadi kemestian masyarakat pendukung pantun menjadikan sumber alam terbentang sebagai pembayang penyedap rasa. Di sebalik leksikal alam yang digunakan sarat dengan falsafah hidup dari pandangan pengarang pantun. Kajian ini bertujuan melihat hubungkait pembayang alam flora dan tafsiran dalam maksud pantun karangan Pak Nazel. Menggunakan kritikan ekologi, hasil kajian ini mendapati sastera harus menghormati alam sekitar, manakala prinsip bahasa pula memfokus kepada karya yang dihasilkan oleh pengkarya yang membincangkan permasalahan berkaitan dengan alam sekitar dengan menggunakan bahasa-bahasa yang indah. Hasil pemikiran tersirat karya Pantun Pak Nazel ternyata mengandungi pelbagai unsur seperti pendidikan, pengajaran, nasihat, budi pekerti dan lain-lain lagi yang menjadi cerminan kehidupan masyarakat Melayu. Kajian yang dilakukan ini dilihat mampu memberi kesedaran tentang keindahan dan nilai

murni yang terkandung dalam pantun. Penggunaan unsur alam dalam pembayang pantun ini membuktikan alam flora bukan sahaja sekadar satu nikmat pandangan mata namun secara sinisnya ialah satu peringatan kepada masyarakat bahawa manusia dan alam saling perlu memerlukan.

**Kata Kunci:** Pantun, Alam Flora, Ekologi, Pak Nazel

### **ABSTRACT**

*The process of writing the pantuns is unique. Pantun's relationship with nature is irrefutable as if the inseparability of of the leaf and its vein. Pantun writers normally would use nature as the ingredients to make it sounds more beautiful. The writing of pantuns is full of philosophical views of of the writers by using the natural elements. This research aimed to explore the relationship between natural elements and their interpretations based on pantuns by Pak Nazel. Utilising the eco-critical theory the research findings reveal that literature must have respect for nature, and the principles of language should focus on on works that discuss issues related to nature by using aesthetic language. The intrinsic interpretations of of the pantuns by Pak Nazel reveal that they are full of elements such as education, teachings, advice, good ethics etcetera which are reflections of the Malay society. The research has been able to reveal the beauty of good moral values inherent in pantuns. The use of nature in pantuns tells us that nature is not only a beautiful sight to behold but also serves as a reminder that humans and nature need each other.*

*Keyword: Pantun, Alam Flora, Ecology, Pak Nazel*

### **PENGENALAN**

Alam terkembang jadikan guru. Ungkapan ini merupakan gambaran secara tersirat mendorong kita untuk berfikir secara kreatif bagaimana penghayatan terhadap dunia sekeliling kita mampu mencipta dua baris pembayang pantun. Bahkan dari dua baris

pembayang sahaja, pantun terus berkembang menjadi empat, enam, lapan dan berlapis-lapis lagi pantun yang membawa kepada pelbagai pemikiran. Pada pandangan R.J Wilkinson dan R.O Winsted (1914: iii) untuk memahami perasaan masyarakat Melayu, kenalilah pantunnya terlebih dahulu. Jelas di sini, segala pengungkapan pantun itu merupakan simbolik kepada nilai kehidupan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu kreatif dalam mencipta pantun tidak hanya mengikut gerak hati tetapi melalui pengamatan mata akal dan fikir tentang alam sekelilingnya. Hal ini jelas jika dilihat dalam pembayang pantun penggunaan unsur alam yang pelbagai digunakan dalam menzahirkan ideologi. Kearifan masyarakat Melayu dalam mencipta pembayang pantun dinyatakan dalam petikan di bawah:

*The Malay pantun bears the unmistakable mark of such an attitude. This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man's life :his land, his house, his garden, his paddy field, the river, the sea or the forest, the tree, fruits, animals, birds, fishes;the few simple thing of everyday use;it expresses customs and traditions, wisdom, beliefs and feelings of all sorts , his love man, women and God.*

(Francois-Rene Daillie 1988, 6)

Penggunaan unsur alam sebagai pembayang pantun dikira sebagai sesuatu yang agak berat kerana untuk memahami makna tersirat memerlukan daya fikir yang tajam. Demikianlah bijaknya masyarakat Melayu dalam menyindir, mendidik, berhujah dan segala rencam perasaan semua teradun dalam pembayang pantun. Melalui pembayang tersemat ideology yang hendak disampaikan dalam maksud pantun. Menurut Za'ba (1965), hubungan di antara pembayang dengan maksud amat dititikberatkan oleh pengkarya. Pencipta pantun tidak boleh sembarangan menggunakan perkataan sebagai pembayang kerana "pembayang diumpamakan seperti kulit pantun". Wacana ini cuba mengupas penggunaan unsur alam

dalam kumpulan pantun Pak Nazel. Buku Koleksi Pantun Pak Nazel 101 perkara adalah sebuah karya yang telah dihasilkan oleh Nazel Hashim Mohammad. Koleksi pantun ini memfokuskan kepada hal-hal yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu. Seperti mana yang diperkatakan oleh Pak Nazel sendiri, bahawa orang melayu seperti telah dianugerahkan oleh Allah dengan kepandaian mengubah bahasa dalam bentuk pantun untuk berbicara dalam suasana santai, sindir, marah, dan sebagainya. Seratus satu perkara telah dirakamkan dalam bentuk yang sempurna sifatnya dan dikarang sepenuhnya oleh Nazel Hashim Mohamad, sebanyak 1,045 buah pantun yang dikumpul untuk panduan serta menambahkan kerencaman pantun Melayu dalam buku beliau.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Wacana ini menggunakan kaedah kajian kualitatif sepenuhnya dengan memfokus kepada analisis dokumen dan juga pengaplikasian kritikan sebagai pengukuhan kepada dapatan kajian. Kritikan yang digunapakai dalam kajian ini ialah kritikan Ekologi dan memfokus pada pendekatan bahasa dalam pembayang dan maksud pantun yang digunakan. Istilah ekologi berakar daripada perkataan Greek oikos yang diertikan sebagai *the whole house*, yang membawa maksud hubungan tempat tinggal dengan alam semula jadi. Kehidupan manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan alam semuanya adalah bersifat natural. Ekologi juga satu kritikan yang cuba untuk mencari titik persamaan antara manusia dan bukan manusia untuk menunjukkan bagaimana mereka boleh wujud secara bersama-sama dengan berbagai-bagai cara dan bagaimana isu-isu alam sekitar menjadi bahagian yang sangat penting dalam kewujudan tersebut.

Dalam aliran kritikan ekologi, prinsip bahasa adalah satu pendekatan yang berkaitan dengan teknik pengarang menggunakan bahasa dalam membincangkan permasalahan alam sekitar yang berkaitan dengan ekologi. Prinsip bahasa ini berhubung terus dengan teknik dan gaya bahasa serta strategi naratifnya. Melalui

prinsip bahasa ini kita dapat melihat bagaimana pengarang mengolah kata-kata atau bait-bait indah untuk menghasilkan bahasa yang cukup indah dalam karya mereka. Bagi Howarth (1996) terdapat empat prinsip yang berkaitan dengan kritikan ekologi iaitu etika, bahasa, kritikan dan ekologi. Melalui pendekatan bahasa, beliau menyatakan bahasa adalah alat yang digunakan oleh pengarang untuk mengungkap tentang kehidupan manusia dan bukan manusia. Menurut beliau lagi, bahasa dilihat mampu menjalinkan alam sekitar dan budaya atau lebih tepat antara ekologi. Sebagaimana dengan karya sastera yang lain, permasalahan yang dibincangkan harus disampaikan dengan cara yang indah. Unsur-unsur sastera seperti gaya bahasa perlu mendapat tempat yang penting dalam pantun dan ini boleh dilihat dalam koleksi pantun Pak Nazel karya Nizam Mohammad. Penerapan unsur alam dalam pembayang pantunnya membuktikan ekosistem manusia dan alam saling memerlukan. Penggunaan unsur alam dalam pantun cukup struktural. Pantun memaparkan keperibadian Melayu dalam hubungkait pembayang dan maksudnya.

## **DAPATAN**

Bentuk pemikiran yang terbentuk atau tersusun dalam pembayang pantun akan memberikan makna tertentu dan sekaligus memperlihatkan unsur keindahan bahasanya yang amat rapat dengan kehidupan seharian masyarakat tradisi. Bahasa pantun yang indah dan halus sering kali dipengaruhi oleh makna yang didokong oleh leksikal dan rangka kata yang mengisi rangkap pantun bukannya maksud pantun. Analisis wacana ini akan menjelaskan secara terperinci tentang penggunaan alam sekitar yang digunakan dalam pembayang pantun Pak Nazel dan kajian ini juga akan menjelaskan tentang elemen yang berkaitan alam biologi seperti biotik dan abiotik yang ada pada pantun tersebut.

## **Kosmologi Alam Flora (Bunga)**

Menurut Katini Abd Wahab (2016) Flora merupakan salah satu daripada alam benda hidup yang terdapat di alam semesta. Kepelbagaian ataupun diversiti merupakan salah satu parameter dalam pendekatan ekolinguistik. Sehubungan itu, terdapat kepelbagaian leksikon tumbuh-tumbuhan yang ditemui dalam kajian ini iaitu dalam teks pantun Pak Nazel yang dikaji. Leksikon tumbuh-tumbuhan dalam kajian ini merujuk kepada kosa kata bagi tumbuh-tumbuhan. Daripada teks-teks pantun dalam pantun Pak Nazel, pengkaji kemudiannya telah membahagikan leksikon tumbuh-tumbuhan ini kepada dua kategori iaitu yang pertama kategori leksikal bunga dan kedua kategori leksikal pokok/pohon.

Dalam kritikan keindahan orang Melayu, menurut Aminah (2006), yang indah itu kerana sifat-sifat indahnya, mempunyai kesan yang kuat ke atas struktur jiwa, menjadikannya terpesona, berahi, dan mudah tertawan (melembut dan mengalah). Tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu ini bukan sahaja berfungsi sebagai penyedap ayat sahaja, malah ia disertakan sekali dengan deskripsi profitnya dari segi habitat dan ciri botani, di samping ia juga turut menjelaskan tentang khasiat, kandungan, lokasi tumbuh-tumbuhan, jenis, petua dan kegunaan. Ciri botani merujuk kepada ciri dan sifat pada tumbuhan misalnya dari segi ketinggian, jenis akar, batang, rupa, bentuk daun dan bunga, warna, aroma, rasa, cara tumbuh misalnya menegak, berumpun dan seumpamanya. Berdasarkan kajian terdahulu yang dilakukan oleh Kartini Abdul Wahab (2016), menerusi jurnalnya, profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu, menjelaskan bahawa pantun-pantun Melayu banyak menggunakan tumbuh-tumbuhan dari segi habitat, ciri botani, khasiat dan kegunaan sebagai sumber makanan, perubatan dan ekonomi masyarakat. Secara ringkasnya, dapat dijelaskan bahawa tumbuhan adalah salah satu dari alam sekitar yang perlu kita pelihara agar ia tidak terus lupus ditelan dengan perubahan zaman yang semakin berkembang dengan pelbagai kemajuan seperti pembinaan dan sebagainya. Hal ini selari apa yang digariskan dalam kritikan ekologi melalui pandangan sudut

bahasa. Menurut Howarth (1996), bahasa adalah alat yang digunakan oleh pengarang untuk mengungkap tentang kehidupan manusia dan bukan manusia dan dalam konteks kritikan eko ia berhubung dengan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan ekologi dan etika ekologi. Melalui kritikan pula, kualiti hubungan antara bahasa dan ekologi dan etika ekologi diteliti dan dinilai. Howarth melihat alam dan budaya (bahasa) tidak dapat dipisahkan. Bahasa mampu menjalinkan alam sekitar dan budaya atau lebih tepat antara ekologi dengan etika ekologi.

Jambu batu buah setul,  
**Bunga pepaya** pucuk turi;  
Hati itu daging seketul,  
Baik ia baiklah diri.

(Pantun Hati: 69)

Dalam pembayang pantun ini pula, leksikal bunga Pepaya telah digunakan oleh pengarang. Dalam masyarakat Melayu pokok pepaya atau betik merupakan sejenis tumbuhan yang dekat dengan kehidupan kerana setiap anatomi pokok papaya itu memberi pelbagai kebaikan. Kritikan alam flora dalam pantun di atas meneliti penggunaan bahasa yang memaparkan hubungan dengan persekitaran. Bunga Pepaya adalah sejenis bunga yang mempunyai banyak manfaatnya terutama dalam perubatan tradisional. Kelebihan-kelebihan yang ada pada bunga Pepaya ini membolehkan ia dijadikan sebagai ubat untuk merawat beberapa jenis penyakit. Pengarang juga telah menggunakan pucuk turi pada deskripsi pantun ini. Pucuk turi ini mempunyai khasiatnya yang tinggi, terutamanya vitamin C. Khasiat yang ada pada pucuk turi ini sama seperti khasiat yang ada pada bunga Pepaya dan ini jelas menggambarkan bahawa pengarang cuba untuk menjelaskan khasiat antara kedua jenis tumbuhan ini dalam pembayang pantunnya iaitu “bunga Pepaya pucuk turi” tiada bezanya, malah ia mampu untuk merawat sesuatu penyakit. Demikianlah makna tersirat pembayang yang dapat kita kaitan dengan hati manusia.

Jika hati itu kita jaga atau rawat sebaik mungkin pasti sukar untuk kita lakukan sesuatu yang buruk.

**Bunga raya bunga mengkula,**  
Bunga mengkula harum sekelas;  
Sudahlah kaya dermawan pula,  
Di ganjar pahala derma yang ikhlas.

(Pantun Kaya: 105)

Bunga Raya juga dikenali sebagai bunga Sepatu dan kembang sepatu atau nama saintifiknya *Hibiscus rosasinensis* ialah sejenis tumbuhan berbunga sepanjang tahun dan dijadikan sebagai perhiasan. Manakala bunga Mengkula atau nama saintifiknya ialah *Mimosops elengi Linn* pula sejenis tumbuhan yang digunapakai dalam rawatan tradisional. Melalui pantun di atas kedua-dua jenis bunga ini membawakan identiti yang berbeza. Bunga raya mempunyai kemegahannya yang tersendiri sesuai dengan pengiktirafannya sebagai bunga kebangsaan dan bunga mengkula mempunyai sifat yang wangi. Deskripsi dalam pantun ini yang menyatakan “bunga mengkula harum sekelas” sangat sesuai dengan ciri botani bunga itu sendiri yang mana ia berwarna krim, berbulu dan wangi. Sifat wangi yang dinyatakan pada deskripsi pantun sangat jelas dengan sifat sebenar bunga tersebut.

Berlandaskan pembayang pantun, maksud yang cuba disampaikan dalam pantun ini adalah berkaitan dengan pahala apabila seseorang itu suka menderma dan setiap kali menderma Allah sudah menjanjikan rezeki yang berlipat ganda kepada umatnya. Walaupun kaya, tetapi sifat dermawan yang ada dalam dirinya membuatkan rezekinya lebih bertambah-tambah. Kita perlu ikhlas apabila menderma dan janganlah jadikan menderma sebagai satu alat untuk mengejar populariti. Sama seperti sifat bunga mengkula tadi yang harum sekelas. Apabila kita menderma begitulah harumnya sifat kita di mata Allah. Hal ini selari dengan pandangan dalam kritikan ekologi bahawa bahasa yang digunapakai melambangkan hubungan manusia dengan alam semulajadi.

**Kembang kekwa** si bunga Cina,  
Bunga raya kembangnya satu,  
Sihat jiwa akal sempurna,  
Wajah ceria sepanjang waktu.

(Pantun Sihat: 185)

Kritikan eko menyatakan bahawa setiap elemen alam saling berhubungan antara satu sama lain. Justeru sesebuah karya bukan hanya memiliki estetika yang bersifat maya sahaja namun perlu mempunyai fungsi tersendiri. Dalam pantun di atas, bunga Kekwa atau nama saintifiknya *Chrysanthemum* digunakan sebagai perhiasan dan juga dalam masakan. Menerusi pantun di atas ini pula, pengarang telah menggunakan bunga kekwa dan bunga raya pada pembayang pantun sebagai alam flora yang berkaitan kosmologi alam. Bunga kekwa dikatakan ditanam di China sebagai pokok herba. Habitat asal bunga kekwa adalah di negara China dan ini jelas sekali dapat kita lihat pada deskripsi pada pembayang itu yang menyatakan bahawa 'bunga kekwa si bunga Cina'. Pengarang bijak menyesuaikan bunga kekwa ini dengan habitat asalnya iaitu negeri China. Manakala bagi bunga raya pula, deskripsinya adalah 'kembangnya satu'. Ciri botani bunga raya yang hanya kembang satu persatu pada setiap masa menjadikan ia nampak lebih gagah dan berani untuk berdiri sendiri. Sifat bunga raya yang hanya kembang satu persatu menunjukkan bahawa ia mampu untuk berdiri sendiri tanpa perlu adanya sokongan lain.

Pantun ini memberi pengajaran bahawa jika kita sentiasa mengamalkan kehidupan yang sihat sudah pasti akan mendapat tubuh badan yang cergas. Apabila tubuh badan sihat sudah pasti dapat mempengaruhi jiwa kita untuk terus kekal ceria sepanjang waktu tanpa adanya gangguan lain. Hubungan antara pembayang dan maksud dalam pantun di atas membuktikan masyarakat Melayu merupakan pemerhati alam yang tekun dan pintar dalam ilmu kaitan alam dan manusia.

Bawah redup pohon saga,  
**Bunga dedalu** jatuh bertebar;  
Kalau hidup berjauhan keluarga,  
Berhubung selalu bertanya khabar.

(Pantun Keluarga: 106)

Kritikan ekologi digunakan untuk membongkar hubungan manusia dengan alam sekitar. Dunia ekologi percaya bahawa setiap tamadun bangsa itu ditentukan oleh alam semulajadi. Bunga Dedalu digunapakai sebagai pembayang dalam pembayang pantun di atas. Berdasarkan pantun ini, bunga dedalu menggambarkan bagaimana seorang anak atau ahli keluarga itu saling memerlukan antara satu sama lain walaupun mereka hidup berjauhan. Ideologi pengarang untuk menyatakan maksud tersirat penggunaan bunga Dedalu yang sifatnya sejenis tumbuhan yang menumpang (parasit) kepada pokok lain. Hal ini jelas menggambarkan bagaimana pengarang cuba menyampaikan maksud berdasarkan sifat bunga dedalu itu sendiri yang memerlukan seseorang atau ahli keluarga untuk bergantung hidup. Maksud pantun ini adalah cuba untuk menegur seseorang yang tinggal berjauhan daripada keluarga agar terus berhubung dengan bertanya khabar agar ikatan antara ahli keluarga itu tidak putus begitu sahaja. Jangan jadikan faktor jarak sebagai alasan untuk tidak terus berhubung dengan ahli keluarga. Hal ini demikian kerana, keluarga adalah orang yang sangat penting dalam hidup kita dan tanpa adanya sokongan serta dorongan daripada ahli keluarga mungkin seseorang itu tidak akan berjaya dalam kehidupannya.

### **Kosmologi Flora (Jenis Pokok)**

Menurut Fatchul Mu'in (2013), menerusi kajiannya mengenai kritikan ekologi, alam adalah sebahagian dari sastera. Buktinya, dapat dilihat pada karya-karya yang dihasilkan oleh sasterawan yang banyak menggunakan sumber berkaitan alam seperti diksi hutan, laut, pohon-pohon dan lain-lain lagi. Dalam pantun Melayu,

penggunaan unsur pokok membuktikan alam mengajar manusia untuk menghayati keindahan ciptaan Allah. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006) pengetahuan tentang alam ini ialah pengetahuan kolektif dan akumulatif. Menjadikan unsur alam sebagai pembayang atau kias ibarat itu merupakan satu penghargaan manusia kepada alam.

**Pokok kemboja** berbunga tidak,  
 Daunnya gugur patah ranting;  
 Tua sahaja akal nya budak,  
 Apabila ditegur marah melenting.

(Pantun Akal: 15)

**Jadual 1.0 :** *Kategori Flora (Bunga)*

<b>Nama Asal Tumbuhan</b>	<b>Deskripsi dalam Pantun</b>	<b>Profil(kawasan, ciri botani, habitat dan khasiat)</b>
Bunga Pepaya	Pucuk turi	Khasiat : mempunyai khasiat sebagai ubat.
Bunga Raya	Kembangnya satu	Ciri botani : kembang satu dalam satu masa.
Bunga Mengkula	Harum sekelas	Ciri botani : aroma harum
Bunga Dedalu	Jatuh bertebar	Ciri botani : sejenis tumbuhan yang menumpang dan bersifat parasit kepada pokok lain.
Bunga Kekwa	Si bunga cina	Habitat : Ditanam di China sebagai pokok herba.

Pantun ini membawa maksud bahawa orang yang sudah tua sebenarnya lebih sukar untuk ditegur berbanding dengan kanak-kanak. Walaupun umurnya sudah meningkat tetapi orang seperti ini sukar untuk mendengar nasihat daripada orang lain.

Kebanyakan mereka yang mempunyai perangai seperti ini cepat melenting apabila ditegur. Sifat panas baran yang ada pada diri seseorang itu menampakkan sikapnya yang kurang cerdas dan langsung tidak mahu menerima apa-apa teguran daripada orang. Berdasarkan pembayang pantun ini, pengarang menggunakan pokok kemboja atau nama saintifiknya *Fragipani* sebagai kias ibarat akan sikap seorang manusia yang telah berusia. Pokok kemboja merupakan pokok yang sukar untuk mengeluarkan bunga jika berada di tempat yang teduh. Sifat bunga kemboja yang memerlukan cahaya matahari menjadi tonggak utama kepada pertumbuhan pokok tersebut untuk tumbuh dengan lebih subur bersama-sama bunga yang mekar. Hal ini jelas dinyatakan pada pembayang pantun ini iaitu “pokok kemboja berbunga tidak”. Hal ini dapat dikaitkan dengan sifat seseorang itu yang kurang akalnya walaupun sudah tua umurnya. Sama seperti sifat bunga kemboja yang sukar tumbuh apabila berada di tempat yang teduh. Pembayang pokok Kemboja ini memberikan persediaan kepada maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karangan pantunnya.

**Pokok gelam** tumbuh merata,  
**Pohon sena** sukar dicari;  
Bodoh dalam mengeluarkan kata,  
Boleh menghina diri sendiri.

(Pantun Bodoh: 37)

Hamparan alam luas dan indah mengajar manusia tentang kehidupan yang saling perlu memerlukan. Demikianlah kebijaksanaan manusia dalam memeliti dan merungkai makna tersirat dalam penggunaan alam dalam pantun. Pembayang pantun di atas menggunakan pokok Gelam dan pokok Sena sebagai kosmologi biotik (alam flora). Ciri botani bagi pokok Gelam atau nama saintifiknya *Melaleuca Cajuputi Powell* adalah sejenis tumbuhan yang mudah membiak terutamanya di kawasan tanah lembap. Pembayang pantun ‘pokok gelam tumbuh merata’ menggambarkan keadaan alam iaitu pokok Gelam yang dikatakan tumbuh secara

merata-rata. Sifat pokok Gelam yang mudah membiak membolehkan pokok tersebut membiak dengan cepat di kawasan tanah lembap. Manakala, pokok Sena atau *Pterocarpus Indicus* pula adalah sejenis habitat yang hidup di kawasan hutan Malaysia dan Kawasan ASEAN. Oleh itu, kebanyakan pokok Sena ini hanya ditanam sebagai hiasan di tepi-tepi jalan sahaja.

Dalam pembayang pantun ini, seseorang itu dibayangkan mudah mendapatkan pokok Gelam kerana sifatnya yang tumbuh merata. Manakala pokok Sena pula hanya digunakan sebagai hiasan indah dimata. Hal ini merupakan terjemahan maksud tersirat “bodoh dalam mengeluarkan kata”, boleh menghina diri sendiri’. Situasi yang cuba digambarkan dalam pembayang dan maksud ini adalah bila seseorang itu kurang bijak dalam menghujahkan sesuatu tanpa fakta yang betul sudah pasti akan memalukan dirinya sendiri. Walaupun seseorang itu petah berkata-kata seperti pokok Gelam yang boleh sahaja tumbuh merata tetapi jika apa yang disampaikan itu adalah kosong seakan-akan menghina dirinya sendiri. Hujah ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian terdahulu yang dilakukan oleh Azim Normiza dan Shaiful Bahri (2012) dalam penulisan mereka iaitu nilai Ilmu dalam pantun Pak Nazel, yang menjelaskan bahawa pentingnya ilmu dalam kehidupan seseorang. Menerusi kajian mereka, menjelaskan bahawa ilmu merupakan tunjang untuk memastikan sesebuah bangsa itu sentiasa terpelihara dan tidak tercalar. Penggunaan unsur alam dalam pantun ini walaupun dilihat kecil (merujuk pokok Sena dan Gelam) namun di dalamnya ada unsur satira yang cuba diangkat oleh pengarang.

Lebat buahnya **pokok keranji**,  
Di bawahnya palas subur belaka;  
Mengamal rasuah perbuatan keji,  
Tempatnya jelas dalam neraka.

(Pantun Rasuah: 159)

Bagi kosmologi biotik (alam flora) yang digunakan bagi rangkap pantun ini adalah pokok keranji. Pokok keranji atau nama botaninya *Dialium Procerum* merupakan sejenis pokok yang berbuah apabila musim buah-buahan yang lain berakhir. Pokok keranji biasanya terdapat di dalam hutan dan untuk mencari buah keranji bukanlah semudah yang di sangka. Pokok keranji mampu menghasilkan buah yang lebat dan terkenal dengan sifat buahnya yang begitu lebat. Analogi pembayang pokok Keranji adalah teguran terhadap orang yang suka mengamalkan rasuah. Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan, kontrak dan keistimewaan dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah dan keraian kepada pihak-pihak tersebut. Menurut Syakiran dan Zawawi (2004), rasuah merupakan ganjaran sesuatu atau mengharapkan ganjaran tertentu daripada sesuatu pemberian. Sikap seseorang yang mudah terpengaruh dengan habuan yang diberikan oleh si perasuah boleh menjadikan sesebuah negara itu rosak akibat daripada berlakunya peningkatan dalam masalah sosial. Pantun ini cuba untuk memberi nasihat supaya tidak mengamalkan amalan rasuah kerana ia akan memakan diri sendiri.

Pembayang pantun ini menggunakan buah Keranji sebagai satu simbol peringatan menggambarkan bahawa untuk mendapatkan sesuatu itu perlu berusaha sendiri. Pembayang pada baris kedua 'di bawahnya palas subur belaka' adalah sebagai penguat kepada maksud yang pertama tadi di mana apabila sifat ini menjadi sebatidalam diri seseorang sudah pasti ia akan melakukan perbuatan tersebut walaupun tahu akan akibatnya. Ia seolah-olah sebatidalam hatinya untuk melakukan perbuatan tidak baik demi memperoleh habuan yang lumayan semata-mata. Maka dapat kita lihat bahawa kedua-dua baris ini saling berkait untuk menjelaskan bahawa rasuah ini adalah satu perbuatan terkutuk dan perlulah di jauhi oleh setiap insan. Hal ini selari dengan pandangan Zainal Kling (dlm Zainal Borhan Abidin, 2008) yang menyatakan pantun adalah berkaitan ajaran atau nasihat supaya berkelakuan dan berbuat baik selaras dengan agama Islam. Proses sindir –menyindir merupakan satu asas estetika dalam kejadian pantun.

**Pokok membatu** keras kayunya,  
Tidak ragu kayu merbau;  
Merokok itu banyak buruknya,  
Kesihatan terganggu mulut berbau.

(Pantun Merokok: 129)

Pokok membatu atau nama botaninya *Shorea Ochrophloia* digunakan oleh pengarang dalam pembayang pantun ini sebagai salah satu kosmologi biotik alam flora. Alam flora sememangnya mempunyai pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan semulajadi yang banyak kelebihan dan khasiatnya yang tersendiri. Kartini Abdul Wahab (2016), dalam kajiannya menyatakan tumbuhan adalah salah satu dari alam sekitar yang mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Demikianlah juga dengan pokok Membatu di mana ciri botaninya adalah berbatang keras. Sifat batang pokok Membatu yang keras diibaratkan dengan hati manusia dalam pantun ini. Gambaran ini sama dengan pembayang pantun 'pokok membatu keras batangnya' yang mana menunjukkan sifat seseorang yang berhati keras sangat sukar untuk untuk dilenturkan lagi akibat daripada sikapnya yang tidak mahu untuk berubah kearah kebaikan. Manakala, "tidak ragu kayu Merbau" pula cuba menjelaskan bahawa ianya juga mempunyai batang pokok yang keras sama seperti pokok Membatu. Maka tiada perbezaan maksud yang dinyatakan pada pembayang pantun ini yang mana maksud adalah untuk menyatakan sifat seseorang itu yang keras seperti kerasnya batang pokok Membatu dan Merbau.

Berdasarkan pantun ini, jelaslah maksud yang cuba di sampaikan bahawa seseorang yang suka merokok adalah sangat sukar untuk diberi nasihat supaya berhenti merokok. Walaupun sudah banyak nasihat yang diberikan namun disebabkan sifat terlalu ketagih pada rokok membuat seseorang itu sukar untuk melepaskannya. Pantun ini jelas menyatakan bahawa apabila seseorang itu merokok sudah pasti akan menjejaskan kesihatan dirinya dan ia bukan sahaja menjadikan tubuh kita tidak sihat malah

setiap nafas bagi perokok adalah berbau. Hasim Awang (dlm. Zainal Abidin Borhan, 2008) berpandangan melalui pantun akan dipaparkan pandangan atau tanggapan masyarakat tentang kesihatan merangkumi kaedah dan nasihat. Hanya berdasarkan serangkap pantun sahaja, nasihat mengenai peri pentingnya menjaga kesihatan dapat disampaikan. Sealiran dengan pandangan Za'aba (1957) yang menyatakan pantun merupakan manifestasi minda atau world-view masyarakat Melayu. Pantun telah diiktiraf sebagai satu karangan yang sarat dengan semangat Melayu.

**Pokok ciku** di tanah rang,  
Tanam peria hujung desa;  
Haram melakukan perkara yang dilarang,  
Kerana ia mengundang dosa.

(Pantun Haram: 63)

Keindahan pantun terjelma apabila keseluruhan yang kompleks tergabung membawa kepada satu makna yang sama. Dalam rangkap pantun di atas, penggunaan pokok Ciku sebagai unsur alam digunakan. Tanah rang merujuk kepada tanah pertanian yang dibajak tanpa diusahakan sama ada untuk keseluruhan musim tanaman atau sebahagian daripadanya bagi mengekalkan kesuburannya. Sifat tanah rang yang subur membolehkan pokok Ciku tumbuh dengan baik dan subur. Pembayang ini cuba memberi maksud apabila sifat haram itu sudah tumbuh subur dalam diri seseorang sudah pasti akan membolehkan mereka untuk melakukan sesuatu perbuatan yang tidak baik.

Apa yang cuba digambarkan dengan pokok ciku ini adalah ia mudah tumbuh apabila ditanam di tanah rang yang subur. Dan sifat ini jugalah yang cuba digambarkan oleh pengarang yang mana apabila hati itu sudah tertanam subur dengan sifat tidak baik, yang haram akan nampak halal. Manakala, pada baris kedua pantun ini pula cuba untuk mengukuhkan lagi ayat pada baris pertama. Sifat peria yang pahit dapat diibaratkan dengan perbuatan yang kurang baik sehingga mampu memberi kesan kepada diri seseorang itu.

Ditanam pula di hujung desa seolah cuba untuk menyatakan kepada pembaca supaya menjauhilah perbuatan yang tidak elok kerana ia akan memberi kesan buruk dalam diri kita. Maksud pantun ini adalah cuba memberi nasihat kepada generasi muda agar tidak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama kerana setiap perbuatan yang bertentangan ini boleh menjerumus seseorang itu untuk bertindak di luar batasan sebagai seorang yang beragama Islam.

**Jadual 2.0:** *Kategori Flora (Pokok)*

<b>Nama Asal Tumbuhan</b>	<b>Deskripsi dalam Pantun</b>	<b>Profil (Habitat dan Ciri Botani)</b>
Pokok Kemboja	Berbunga tidak	Ciri botani: sukar untuk mengeluarkan bunga jika berada di tempah yang teduh.
Pokok Gelam	Tumbuh merata	Ciri botani: tanaman mudah membiak.
Pokok Sena	Sukar dicari	Habitat: di kawasan hutan Malaysia dan kawasan ASEAN.
Pokok Ciku	Di tanah rang	Habitat : tumbuh di tanah rang.
Pokok Keranji	Lebatnya buah pokok keranji	Ciri botani : menghasilkan buah yang lebat dan banyak.
Pokok Membatu	Keras kayunya	Ciri botani : batang pokok yang sangat keras dan tebal.

## **KESIMPULAN**

Perkaitan antara perasaan dan pemikiran masyarakat dahulu biasanya lebih banyak terbentuk daripada unsur alam. Hal ini dapat kita lihat pada pantun-pantun yang dihasilkan oleh Pak Nazel

banyak menggunakan unsur-unsur alam untuk menggambarkan sesuatu perkara. Misalnya, memberi sifat haiwan kepada manusia agar pertuturan mereka akan nampak lebih halus dan sopan walaupun sedang berada dalam keadaan marah. Jika dilihat dengan teliti pada setiap pembayang pantun yang dihasilkan di atas, masyarakat Melayu lebih cenderung menggunakan unsur-unsur alam untuk pelbagai tujuan tertentu dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu dahulu sangat menghargai alam berbanding dengan masyarakat Melayu moden sekarang. Penggunaan pembayang pantun yang menerapkan unsur-unsur alam sememangnya menjadi simbolik kepada kehidupan masyarakat Melayu yang dikatakan saling berhubung dengan alam. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kosmologi alam flora dalam Pembayang Pantun Pak Nazel mampu memberikan pengajaran yang sangat berguna kepada pembacanya kerana melalui pambayang yang digunakan dilihat mempunyai maksud-maksud yang tersirat terutamanya apabila pengkarya pantun ini mengaitkan alam sebagai salah satu alat untuk menyampaikan maksud yang tertentu. Pada asasnya, sesebuah pantun yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu lama secara tidak langsung menyerlahkan persekitaran di sekelilingnya. Ringkasnya, penggunaannya menyatakan latar alam dan latar budaya yang diwakili oleh unsur alam itu.

## **RUJUKAN**

- Aminah Haji Noor. (2006). *Pantun Melayu: Warisan Bangsa*. Kuala Lumpur: Iqra' Publications.
- Azim Normiza Ahmad, Shaiful Baharri Md. Razi. (2012). *Nilai Ilmu Dalam Pantun Pak Nazel*. Prosiding SKIM XIII-2013|Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia. Bangi.
- Howarth, William (1996) "Some Principles of Ecocriticism," in Glotfelty and Fromm (1996): 69-91
- Muin, Fatchul (2013) *Ekokritisisme: Kajian Ekologis Dalam Sastra*. In: Literature and Nation Character Building.

- R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt (1961) *Pantun Melayu*. Cetakan ke-4. Singapura: Malaya Publishing House.
- Zainal Abidin Borhan dan Ramli Raman (2008) *Pantun Warisan Rakyat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Kartini Abd Wahab. (2016) *Profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu*. Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 12 (11). pp. 29-43. ISSN 2180-2491
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1993). *Kritikan dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. Md Zawawi Abu Bakar. (2004). *Rasuah....? Katakan Tidak*, <http://repo.uum.edu.my/1908/1/47.pdf>, dimuat turun pada 4 Ogos 2015.